



SIARAN MEDIA

***SESI VOLUNTARY NATIONAL REVIEW* NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA *HIGH-LEVEL POLITICAL FORUM ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT* SECARA ATAS TALIAN PADA 15 JULAI 2020**

Tarikh: 15 Julai 2020

1. Negara Brunei Darussalam telahpun menyertai sesi *Voluntary National Review* semasa *United Nations High-Level Political Forum on Sustainable Development* secara atas talian (*online*) pada hari Rabu, 15 Julai 2020.
2. *High-Level Political Forum on Sustainable Development*, yang diadakan setiap tahun, merupakan *platform* utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk merebiu pelaksanaan negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi *2030 Agenda for Sustainable Development* dan *Sustainable Development Goals*.
3. Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah menyampaikan kenyataan bagi Negara Brunei Darussalam, yang antarlainnya menekankan komitmen dan menggariskan pencapaian-pencapaian Negara setakat ini dalam mencapai *Sustainable Development Goals*.
4. Persediaan bagi *Voluntary National Review* tersebut telah diterajui oleh Jawatankuasa Khas Persediaan *Voluntary National Review* bagi Negara Brunei Darussalam, yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Penyediaan Laporan *Voluntary National Review* NBD telah menggunakan pendekatan *whole of nation*, dimana ianya juga telah melibatkan sektor swasta dan Badan-Badan bukan Kerajaan (NGOs).
5. Laporan *Voluntary National Review* bagi NBD bolehlah dimuat turun melalui laman web <https://sustainabledevelopment.un.org/memberstates/brunei>.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam